

03/09/2003

Balak Kalimantan Barat masuk ikut peraturan

Muhd Yusuf Abu Bakar

"SARAWAK itu Makan Dari Kalbar" begitulah tajuk utama akhbar Equator Online yang beroperasi di ibu kota Pontianak, Kalimantan Barat (Kalbar) Sabtu lalu, yang memberi gambaran negatif, kononnya sebahagian ekonomi Sarawak disumbangkan oleh kegiatan pembalakan haram dari wilayah Indonesia.

Dakwaan media berkenaan bukan perkara baru, malah dalam sesi mesyuarat sosial ekonomi sempadan Malaysia-Indonesia (Sosek Malindo) yang diadakan setiap tahun, masalah pembalakan haram sering ditimbulkan pihak berkuasa negara jiran.

Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri, turut menyentuh masalah itu ketika berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Mesyuarat Dua Hala Malaysia-Indonesia yang berlangsung di Kuching, Khamis lalu.

Pihak berkuasa negara jiran melalui medianya sering melemparkan tuduhan, negeri ini mendapat produk kayu secara haram sehingga menyebabkan hutan di kawasan Kalbar gondol - dakwaan yang sehingga kini tidak dapat dibuktikan.

Memang benar, sebahagian kayu yang diproses di negeri ini diperolehi dari negara jiran iaitu diimport melalui jalan darat dari pintu sempadan di Tebedu dan Lubok Antu dan jalan laut dari Semantan.

Persoalan yang sering ditimbulkan pihak berkuasa negara jiran ialah kayu berkenaan adalah hasil pembalakan haram yang dilakukan pihak tertentu di kawasan hutan di Kalimantan Barat. Jadi kayu itu ditebang secara haram di wilayah berkenaan oleh penduduk mereka sendiri atau dengan komplot pihak tertentu dari negeri ini, tindakan perlu diambil terhadap mereka, bukan dengan menyalahkan orang lain.

Sesiapa yang berkunjung ke Entikong di daerah Sanggau yang terletak kira-kira 110 kilometer dari Kuching, akan mendapati longgokan kayu yang diproses dan dikenali sebagai kayu batak di kiri kanan jalan menghala ke Entikong, menunggu masa untuk dihantar ke Sarawak.

Industri kayu yang menghidupkan daerah Sanggau, khususnya di kawasan Balai Karang dan Entikong berikutan kayu itu dijual kepada industri kayu Sarawak di kawasan sempadan di Tebedu. Kita tidak pasti bagaimana kayu bergergaji itu diperolehi atau ditebang kerana yang jelas kayu berkenaan dilonggokkan di pinggir jalan untuk diangkut ke wilayah Sarawak.

Lori membawa kayu melalui pintu masuk Kastam Indonesia di Entikong sebelum diperiksa oleh Kastam Malaysia di pintu Tebedu untuk di bawa ke Sarawak. Kayu berkenaan jelas melalui pintu yang sah tetapi masih lagi dianggap kayu haram oleh negara jiran. Kita tidak pasti siapa yang salah atau benar dalam hal ini.

Menurut Jabatan Kastam Diraja Malaysia, semua kayu proses yang dibawa masuk mengikut peraturan ditetapkan, walaupun pihaknya tidak mengenakan cukai import terhadap komoditi berkenaan, tetapi semua dokumen perlu sudah disediakan, maknanya kayu import masuk mengikut peraturan.

Bagaimanapun, jika kayu itu masuk ke negeri ini melalui pintu Entikong yang dikawal oleh pihak berkuasa negara berkenaan dan dianggap kayu haram - nampak sangat di mana kesilapannya, pihak mana yang melepaskan kayu berkenaan untuk masuk ke Sarawak?

Media negara jiran sering kali menjadikan Sarawak sebagai 'kambing hitam' apabila mereka gagal menyelesaikan masalah yang sebenarnya berpunca daripada penyelewengan dan rasuah yang dilakukan oleh pihak berkepentingan sehingga menjejaskan sumber hutan di wilayah berkenaan.

Tanyalah pihak konsulat Malaysia di Pontianak, mereka sering diajukan soalan mengenai kononnya kayu yang dibawa ke Sarawak adalah hasil pembalakan haram. Walaupun berbuih mulut konsulat menjawab dan meminta dibuktikan, perkara berkenaan tergantung begitu saja.

Jika benar ada pihak dari luar (Malaysia) yang melakukan kegiatan bercanggah dengan undang-undang dan peraturan, tangkap dan dakwa mereka seperti yang kita lakukan terhadap warga asing yang melakukan kesalahan di negara ini.

Kita tidak mahu penduduk Kalimantan Barat menganggap Malaysia khususnya industri kayu di Sarawak mengeksploitasi sumber kayu yang diimport dari wilayah mereka secara tidak sah.

Mungkin ada kayu yang diseludup ke wilayah ini, itu kita tidak boleh nafikan, tetapi yang jelas pihak berkuasa negara jiran mempunyai ramai tentera yang mengawal sempadan dan tidak sukar untuk mengesan pintu masuk penyeludupan kerana kayu dibawa menggunakan lori atau bukan dengan gajah atau kerbau melalui jalan tikus (jalan haram yang banyak ada di kawasan sempadan dari Lubok Antu, Sri Aman sehingga Sematan, Kuching).

Selain kayu haram, media Kalbar turut mempersoalkan kemasukan gula pasir ke wilayah berkenaan yang boleh menjejaskan jualan gula yang dikawal pihak berkuasa di Pontianak. Ini sama kes dengan penyeludupan beras dari Thailand ke Malaysia - adakah kita boleh menyalahkan pihak Thailand, sedangkan pintu sempadan kita bolos kerana penyelewengan dan sikap tamak pihak tertentu.

Hal yang sama berlaku di Kalimantan Barat apabila banyak gula dari Sarawak masuk dan dijual dengan harga lebih murah sehingga menjejaskan industri gula di negara berkenaan.

Moral daripada paparan cerita diatas ialah: Penyelewengan kuasa, tamak dan rasuah bukan sahaja menyebabkan sumber bumi pupus dan hanya segelintir pihak berkepentingan mendapat keuntungan, malah ia boleh mencetuskan masalah di antara dua negara jiran, jika langkah penyelesaian tidak dilakukan.